

Tingkatkan kecergasan: PM

Senaman untuk pekerja awam

16 SEP 1991

Oleh ZAMZAM OMAR

KUALA LUMPUR, **Ahad** — Kerajaan akan membuat kajian kemungkinan mengadakan acara senaman di semua agensi dan jabatan ke arah mewujudkan pekerja cergas dan cerdas, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bellau berkata, jika diadakan acara senaman di mana-mana tempat termasuk di pejabat selama 10 minit misalnya, tidak menimbulkan masalah, sebaliknya, akan meningkatkan kecergasan pekerja.

Pada masa ini, hanya Kementerian Penerangan mengadakan acara kecergasan bagi kakitangannya dan Perdana Menteri berpendapat, ia suatu program yang baik bagi semua pihak.

"Sama ada di kampung, bandar, di pejabat atau di syarikat, patut diadakan acara senaman dalam usaha kita menuju ke arah rakyat Malaysia cergas.

"Sebaliknya, kalau rakyat Malaysia lemah dan lesu, mereka tidak mungkin mampu bekerja kuat dan tanpa kecerdasan fikiran menyukarkan untuk mencapai kemajuan serta matlamat Wawasan 2020," katanya.

Perdana Menteri bercakap kepada pemberita selepas menyertai Senamrobik Perdana yang diadakan bersama Larian Perdana Kampungku - Cergas Ke Arah Wawasan 2020 anjuran bersama Kelab Eksekutif Selangor dan Wilayah Persekutuan (KESWP) dan RTM di Dataran Merdeka di sini pagi tadi. Acara itu juga diadakan sempena sambutan hari penubuhan Malaysia.

Mengenai sama ada kerajaan mahu menjadikan hari ulang tahun penubuhan

Malaysia yang jatuh esok (16 September) sebagai hari rehat, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

"Kalau kita terus-terusan berehat, ia tidak baik bagi kita. Sebenarnya, di Malaysia, pelbagai kaum menganut agama yang berbeza dan kita sudah ada cukup hari kelepasan.

"Sebaliknya, jika kita mahu terus menambah hari kelepasan untuk berehat, kita tidak akan mencapai matlamat pembangunan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, ramai rakyat yang tidak begitu mengetahui mengenai hari penubuhan Malaysia, kerana mereka lebih memahami hari negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos.

"Rakyat lebih mengetahui 31 Ogos kerana keputusan pungutan suara oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai penubuhan Malaysia dibuat lewat iaitu pada 16 September," katanya.